



NOTA PANDUAN MENGISI BORANG *ONLINE* BAGI PERMOHONAN PERMIT IPA JENIS A

A. MAKLUMAT UMUM

1. Permohonan Permit IPA Jenis A1 dan A2 hendaklah dibuat melalui sistem eCLAPS.
2. Pendaftaran akaun pengguna dan permohonan hendaklah dibuat oleh tukang paip sendiri. Maklumat pemohon akan dijana secara automatik berdasarkan profil pengguna yang didaftarkan.
3. Tiada lagi jenis permohonan pembaharuan permit berkuat kuasa serta-merta.
4. Hanya satu (1) permohonan bagi setiap negeri boleh dibuat dalam satu masa.
5. Tukang paip perlu membuat pendaftaran akaun pengguna terlebih dahulu di dalam sistem eCLAPS dengan merujuk manual pengguna yang boleh dimuat turun melalui laman web SPAN.
6. Pengguna akan menerima e-mel untuk mengaktifkan akaun eCLAPS dengan cara klik pada pautan yang diberikan. Pemohon hanya boleh log masuk sekiranya pengaktifan akaun telah dibuat.

B. PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN

01 : PERMOHONAN	
Negeri Dipohon	Sila pilih salah satu negeri di mana kerja-kerja hendak dijalankan. Nama Pejabat Wilayah/Cawangan SPAN akan dipaparkan secara automatik.
Jenis Permit	Sila pilih jenis permit samada Jenis A1 atau A2. Pilihan Permit Jenis A2 hanya akan wujud bagi pemegang Permit A1 yang layak untuk memohon Permit A2. <i>*Nota: Tukang paip yang ingin memohon Permit A2 kali pertama hendaklah memegang Permit A1 sekurang-kurangnya 3 tahun (36 bulan) dalam tempoh 5 tahun terkini tanpa mengikut negeri. Cth: Pemegang Permit A1 (Melaka) melebihi 3 tahun boleh memohon Permit A2 (Selangor).</i>

Tempoh Permit	Sila pilih tempoh permit yang hendak dipohon. Pemohon boleh memilih tempoh 1, 2 atau 3 tahun.
Muat Naik Dokumen Kad Pengenalan	Sila muat naik salinan kad pengenalan muka hadapan dan belakang mengikut format yang ditunjukkan dalam <i>i-button</i> dengan menekan butang “PILIH FAIL”. Pemohon permit mestilah individu warganegara atau pemastautin tetap.
Tarikh Lahir	Maklumat tarikh lahir akan dipaparkan secara automatik berdasarkan no. kad pengenalan. Had umur tukang paip bagi permohonan Permit A1 dan A2 ialah 75 tahun.
Alamat	Sila nyatakan alamat surat-menyurat
Poskod	Sila nyatakan poskod dengan format 5 angka. Cth: 63000
Daerah	Sila nyatakan nama daerah. Cth: Sepang
Negeri	Sila pilih nama negeri yang berkaitan
No. Telefon Bimbit	<ul style="list-style-type: none"> • Sila pilih kod kawasan daripada senarai pilihan • Sila nyatakan no. telefon bimbit pemohon
Alamat e-mel	Sila nyatakan alamat e-mel pemohon. Cth: span@span.gov.my .
02 : KELAYAKAN	
Butiran Kelayakan Pemohon	<p>Sila tekan butang “KLIK UNTUK VERIFIKASI SIJIL” untuk menjana maklumat kehadiran kursus Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) atau <i>Plumber Refresher</i>. Maklumat kehadiran kursus akan dipaparkan secara automatik. Kelayakan yang diperlukan adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon Permit A1 perlu menghadiri kursus SKK Tahap 1 atau <i>Plumber Refresher</i>. • Pemohon Permit A2 perlu menghadiri kursus SKK Tahap 2 atau <i>Plumber Refresher</i>. <p><i>Nota: Sekiranya status sijil dipaparkan sebagai tidak sah tetapi pemohon telahpun menghadiri kursus, sila hubungi SPAN untuk semakan lanjut.</i></p>

Pengalaman Kerja	Sila nyatakan pengalaman kerja yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun terkini. Sekiranya tidak melaksanakan apa-apa kerja dalam tempoh ini, sila klik “TIADA PENGALAMAN”.
03 : DEKLARASI PEMOHON & INTEGRITI	
Butang SETUJU	Sila baca dan fahami setiap baris ayat di halaman deklarasi, seterusnya klik di ruangan SETUJU. Permohonan tidak dapat diteruskan sekiranya pemohon tidak klik di ruangan ini.
04 : PEMBAYARAN	
Ringkasan Bayaran	Jumlah fi pemprosesan permohonan dan fi permit yang perlu dibayar akan dipaparkan untuk rujukan pemohon. Sila klik “TERUSKAN DENGAN BAYARAN” untuk membuat bayaran.
Cetakan Resit	Pemohon boleh mencetak resit bayaran setelah bayaran dijelaskan. Cetakan resit boleh dibuat berulang kali dan tiada had cetakan ditetapkan. Permohonan akan dihantar setelah bayaran dijelaskan.
05 : CETAKAN	
Makluman Kelulusan	Pemohon Permit A akan menerima notifikasi melalui e-mel dan SMS berkenaan status kelulusan permit.
Lihat & Cetak	Sila klik butang “LIHAT & CETAK” untuk mencetak sijil maya Permit A. Cetakan sijil maya boleh dibuat berulang kali dan tiada had cetakan ditetapkan.

DISEDIAKAN OLEH:

**BAHAGIAN PELESENAN DAN TARIF
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA**

13 OKTOBER 2021